



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 25 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI CADANG BINA MUZIUM PERTANIAN PERTAMA DI MALAYSIA, HARAKAH DAILY - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MUZIUM PERTANIAN PERTAMA BAKAL DIBINA DI KELANTAN, KOSMO - ONLINE	
3.	PENYAKIT ASF DIKESAN DI 7 LADANG BABI, HM - ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	SEBANYAK 6,000 EKOR BABI AKAN DIHAPUS, ELAK PENULARAN DEMAM BABI, MELAKA HARI INI - ONLINE	
5.	PROSES PELUPUSAN BABI DIJANGKITI ASF DILAKUKAN SEGERA, SH - ONLINE	
6.	SEGERA HAPUS BABI DIJANGKITI ASF ELAK PENULARAN, ASTRO AWANI - ONLINE	
7.	AGRICULTURE MINISTER: CULLING OF PIGS INFECTED BY AFRICAN SWINE FEVER TO BE HASTENED TO CURB ITS SPREAD, MALAY MAIL - ONLINE	
8.	TERNAKAN BABI DI PAYA MENGKUANG DILARANG DIBAWA KELUAR, MELAKA HARI INI - ONLINE	
9.	73 PENTERNAK IKAN RUGI LEBIH RM1.4J, SETEMPAT, HM -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	73 PENTERNAK IKAN AIR TAWAR RUGI LEBIH RM1.4 JUTA, NASIONAL, BH -21	
11.	KAPIT'S LILY POND BECOMES HOME TO THOUSANDS OF 'LAMPAM JAWA' FRY, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4	
12.	SELANGOR FAMA DIRECTOR: FLOODS DESTROY FOOD ALLOCATED FOR MAFI PRIHATIN PROGRAMME, KLSE - ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	BEKALAN SUMBANGAN MUSNAH AKIBAT BANJIR, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -5	
14.	FISH FARMERS SUFFER RM1.4MIL LOSSES IN PAHANG FLOODS, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -5	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI cadang bina Muzium Pertanian pertama di Malaysia



KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bercadang membina sebuah Muzium Pertanian pertama di negara ini bagi menyimpan pelbagai bahan berkaitan sejarah sektor pertanian.

Timbalan Menteri, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata muzium itu dicadangkan dibina di Kelantan selaras usaha negeri itu muncul sebagai negeri jelang makanan, selain sebagai satu lagi produk pelancongan.

“Perbincangan awal telah dilakukan dan saya akan berjumpa Perdana Menteri untuk berbincang lebih lanjut untuk mewujudkan Muzium Pertanian. Saya harap cadangan ini menjadi kenyataan.

“Kertas kerja juga telah siap, cuma tunggu untuk kita bincang lanjut,” katanya kepada wartawan selepas merasmikan majlis penyampaian hadiah Pertandingan Keris Melayu Semenanjung sempena Pameran Koleksi Keris di Muzium Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Turut hadir Pegerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri, Mejar (B) Dato’ Md Anizam Abd Rahman dan Pengarah Muzium Negeri Kelantan, Ahmad Shargowi Derahman.

Dr Nik Muhammad Zawawi berkata,, muzium yang bakal dibina itu turut dicadangkan dinamakan sebagai Muzium Pertanian Dato’ Seri Ismail Sabri Yaakob.

Berhubung lokasi muzium yang akan dibina itu, katanya lokasi telah dikenal pasti yang bersesuaian dengan peralatan dan sebagainya untuk diperolehi.

“Warisan begini, kita ingin jaga supaya tidak berlalu begitu sahaja. Sekurang-kurangnya generasi muda akan ingat keringat datuk nenek moyang dahulu membesarkan kita hingga hari ini,” katanya.

Sementara itu, katanya MAFI juga akan memberi sumbangan RM1,000 kepada setiap keluarga penternak, petani di bawah MAFI yang terjejas teruk, sama ada rumah ditenggelami banjir atau kawasan yang diusahakan turut terjejas.

“Kita juga akan pertimbangkan menggantikan semula peralatan pertanian dan penternak yang terjejas disebabkan banjir,” katanya. – **HARAKHDAILY 25/12/21**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	KOSMO	ONLINE	

Muzium pertanian pertama bakal dibina di Kelantan



KOTA BHARU – Kelantan dipilih sebagai negeri pertama yang menjadi lokasi pembinaan sebuah muzium pertanian dalam usaha untuk memperkenalkan alatan tradisional pertanian dan kesenian yang digunakan petani terdahulu kepada generasi muda.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan awal dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selepas Persidangan Dewan Rakyat di ibu negara tiga minggu

lalu.

Menurutnya, Kelantan dipilih sebagai pangkalan utama untuk pembinaan muzim itu memandangkan negeri ini mempunyai banyak lokasi pertanian yang mempunyai nilai tersendiri.

“Kita akan mengadakan pertemuan dan perbincangan lanjut buat kali kedua dengan Perdana Menteri bersama Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang untuk membincangkan beberapa perkara mengenai pelaksanaan muzim berkenaan.

“Kawasan pembinaan lokasi muzim itu juga telah dikenal pasti dan hanya menunggu masa untuk perbincangan susulan mengenai pelaksanaannya. Kita berharap dan berdoa agar rancangan ini akan berjaya,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Koleksi Keris Tiga Tokoh Kelantan dan Majlis Penyampaian Senjata Cantik Semenanjung di Muzium Negeri Kelantan di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan negeri, Mejar (B) Datuk Md. Anizam Ab. Rahman.

Pameran yang bermula pada 15 Disember hingga 15 Februari depan turut mempamerkan pelbagai koleksi keris dan senjata Melayu yang mempunyai nilai selain sejarah tersendiri. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Penyakit ASF dikesan di 7 ladang babi



AHMAD Hamzah. FOTO Nazri Abu Bakar

Melaka: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan kejadian penyakit *African Swine Fever* (ASF) berlaku di ladang babi komersil di Paya Mengkuang, Majid Tanah, Melaka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sehingga

semalam sebanyak tujuh ladang disahkan positif penyakit ASF dengan jumlah 5,438 babi.

Katanya, DVS Negeri Melaka melakukan siasatan pada 18 Disember menerusi pemeriksaan post-mortem ke atas babi mati dan sampel organ dihantar ke Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi untuk pengesahan penyakit.

Menurutnya, pada 20 Disember lalu, keputusan makmal mendapati babi berkenaan disahkan positif penyakit ASF.

"Tindakan sudah dan sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak DVS bagi membendung, mengawal dan membasmi rebakan penyakit ASF termasuk notis di bawah Seksyen 18(2) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang dikeluarkan kepada pemilik ladang-ladang babi terbabit. Justeru pemindahan ternakan tidak dibenarkan keluar daripada kawasan itu bagi membolehkan DVS menjalankan pemeriksaan dan ujian penyakit berkuatkuasa mulai 20 Disember 2021.

"Bagi ladang yang disahkan positif penyakit ASF, tindakan pemusnahan semua ternakan akan dijalankan oleh DVS. Sementara bagi ladang-ladang lain, ternakan babi yang sihat dibenarkan untuk disembelih di rumah sembelih Paya Mengkuang setelah pemeriksaan dilakukan," katanya pada majlis bantuan banjir di Lubok China pada hari ini.

Walau bagaimanapun daging babi terbabit hanya dibenarkan untuk kegunaan negeri Melaka sahaja dan tiada karkas dibenarkan keluar ke negeri lain.

Ahmad berkata, penyiasatan dan pemantauan lanjut di kawasan Paya Mengkuang sedang dijalankan bagi mengekang rebakan ASF.

Menurutnya, terdapat 35 ladang babi komersil dengan 26 penternak di Paya Mengkuang dengan jumlah populasi terkini membabitkan 41,913 ekor.

Dalam masa sama DVS juga menjalankan pemeriksaan dan persampelan ke atas semua 35 buah ladang di mana semua sampel yang diambil (darah atau organ) telah dihantar ke Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi untuk pengesahan penyakit.

Beliau berkata, penyakit ASF tidak zoonotic dan tidak berjangkit kepada manusia, ia hanya boleh menjangkiti babi yang diternak atau babi hutan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan tidak panik, dan bagi yang mahu memasak babi perlu pada suhu tinggi (melebihi 80oC) dalam tempoh yang lama (melebihi 20 minit) untk mematikan virus.

Kerjasama orang awam dimohon supaya melaporkan segera sebarang kematian pada babi hutan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka.

#kw. Tujuh ladang babi disahkan positif ASF : Demam babi tak jangkitan manusia

Keterangan gambar

Melaka: 25.12.2021. Tujuh ladang babi disahkan positif ASF : Demam babi tak jangkitan manusia

Pix 1- Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah .FOTO NAZRI ABU BAKAR

Pix 2- Ahmad Hamzah (kiri) membantu misi bantuan banjir di Lubok China.FOTO NAZRI ABU BAKAR

TAMAT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Sebanyak 6,000 ekor babi akan dihapus, elak penularan demam babi



AHMAD Hamzah

MASJID TANAH 25 Dis- Kira-kira 6,000 ekor babi yang dijangkiti wabak 'African Swine Fever' (ASF) atau demam babi Afrika di 35 ladang penternakan kawasan itu akan dihapuskan.

Tindakan itu bagi mengekang penularan wabak berkenaan kepada 41,000 ekor populasi babi yang lain di kawasan itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, perkara itu bagaimanapun akan dinilai dan diputuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum tindakan berkaitan dibuat dalam masa terdekat.

"Setakat ini 6,000 ekor babi disyaki dijangkiti ASF dan cadangan kita adalah untuk menghapuskan haiwan ini dalam masa terdekat bagi memastikan supaya ianya tidak terus merebak.

"Apa jua tindakan itu akan dilakukan dalam masa terdekat dan pihak Veterinar serta kementerian juga sedang membuat pemantauan rapi terutamanya terhadap tujuh ladang ternakan yang dikesan berlaku penularan penyakit ini,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Pelepasan Misi Pasca Banjir di Kompleks JAPERUN DUN Ayer Limau, di sini hari ini.

Mengulas lanjut Ahmad Hamzah berkata, orang ramai terutamanya penduduk tempatan bagaimanapun tidak perlu panik dengan penularan itu kerana ianya tidak akan membabitkan manusia dan berada dalam keadaan terkawal.

Katanya, larangan membawa keluar dan masuk haiwan itu dari kawasan Paya Mengkuang juga sudah dikeluarkan selain penyembelihan juga hanya di rumah sembelih yang diluluskan sahaja tanpa membawa keluar daging babi berkenaan.

"Kita harap rakyat bertenang kerana penyakit ASF ini tidak akan melibatkan manusia dan disini juga ada 35 ladang ternakan dan yang terkesan hanya tujuh ladang.

"Semua penternak juga memberi kerjasama amat baik bagi membolehkan pegawai Veterinar menjalankan siasatan, pengawalan dan sebagainya,"ujarnya.

Semalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Norlizan Mohd Noor mengesahkan berlaku penularan ASF di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah di sini.

Katanya, pengesanan penyakit berkenaan ekoran penyiasatan dijalankan pihak JPV susulan laporan penternak babi terlibat serta pengesanan sampel yang diuji di Makmal Veterinar Sepang pada 20, 22 dan 23 Dis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Proses pelupusan babi dijangkiti ASF dilakukan segera



ALOR GAJAH - Proses pelupusan ke atas 6,000 babi disyaki dijangkiti Demam Babi Afrika (ASF) akan dilakukan segera selepas penilaian dan diputuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, bagi babi yang disahkan sihat, haiwan berkenaan boleh disembelih di rumah penyembelihan ditetapkan dan penjualannya hanya dilakukan di dalam negeri Melaka.

"Ini selaras dengan Seksyen 19 Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) dan ternakan di ladang disahkan bebas jangkitan dibenarkan untuk penyembelihan di rumah sembelih yang diluluskan sahaja tetapi karkas dan daging babi tidak dibenarkan dibawa keluar ke negeri lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program Misi Pasca Banjir Melaka di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau yang diadakan di Japerun Ayer Limau, di sini pada Sabtu, yang disempurkan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, terdapat 35 ladang dengan ternakan berjumlah lebih 40,000 ekor babi di Paya Mengkuang, Masjid Tanah dan daripada jumlah tersebut, 6,000 ekor babi dari tujuh ladang disyaki dijangkit ASF.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin menasihati penduduk sekitar agak tidak panik memandangkan jangkitan tersebut hanya melibatkan haiwan dan tidak menjangkiti manusia.

"Kita membuat pemantauan dan pengawasan rapi dan jika ada kes baharu, kita akan ambil tindakan segera. Setakat ini dilaporkan adalah hanya di tujuh ladang yang telah dikenal pasti.

"Malah semua penternak yang terlibat juga memberi kerjasama baik bagi membolehkan proses pengawasan dan pengawalan dilakukan di ladang mereka," jelasnya.

Pada Jumaat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia mengesahkan berlakunya penularan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah, di sini.

Penyakit berkenaan dikesan ekoran penyiasatan dijalankan pihak JPV susulan laporan penternak babi terlibat serta pengesahan sampel yang diuji di Makmal Veterinar Sepang pada 20, 22 dan 23 Disember. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Segera hapus babi dijangkiti ASF elak penularan



Menurut Datuk Seri Ahmad Hamzah, kira-kira 6,000 daripada 41,000 ekor populasi babi di 35 ladang penternakan di Melaka berkemungkinan dijangkiti wabak Demam Babi Afrika.

ALOR GAJAH: Kira-kira 6,000 daripada 41,000 ekor populasi babi di 35 ladang penternakan di Paya Mengkuang, Masjid Tanah di sini, yang berkemungkinan dijangkiti wabak Demam Babi Afrika (ASF) akan dimusnahkan bagi mengekang penularan wabak

berkeñaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, perkara itu bagaimanapun akan dinilai dan diputuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum tindakan berkaitan dibuat dalam masa terdekat.

“Setakat ini 6,000 ekor babi disyaki dijangkiti ASF dan cadangan kita adalah untuk menghapuskan haiwan ini dalam masa terdekat bagi memastikan supaya ianya tidak terus merebak.

“Apa jua tindakan itu akan dilakukan dalam masa terdekat dan JPV serta kementerian juga sedang membuat pemantauan rapi terutamanya terhadap tujuh ladang ternakan yang dikesan berlaku penularan penyakit ini,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor mengesahkan berlaku penularan ASF di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang, Masjid Tanah.

Katanya, pengesanan penyakit berkeñaan ekoran penyiasatan dijalankan pihak JPV susulan laporan penternak babi terlibat serta pengesanan sampel yang diuji di Makmal Veterinar Sepang pada 20, 22 dan 23 Disember.

Mengulas lanjut, Ahmad Hamzah berkata, orang ramai terutamanya penduduk tempatan bagaimanapun tidak perlu panik dengan penularan itu kerana tidak akan membabitkan manusia dan berada dalam keadaan terkawal.

Malahan katanya, larangan membawa keluar dan masuk haiwan itu dari kawasan Paya Mengkuang juga sudah dikeluarkan selain penyembelihan juga hanya di rumah sembelih yang diluluskan sahaja tanpa membawa keluar daging babi berkeñaan.

“Kita harap rakyat bertenang kerana penyakit ASF ini tidak akan melibatkan manusia dan di sini juga ada 35 ladang ternakan dan yang terkesan hanya tujuh ladang.

“Semua penternak juga memberi kerjasama amat baik bagi membolehkan pegawai veterinar menjalankan siasatan, pengawalan dan sebagainya,” tambah beliau lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

Agriculture minister: Culling of pigs infected by African Swine Fever to be hastened to curb its spread



Datuk Seri Ahmad Hamzah said the culling of 6,000 pigs suspected of being infected with the African Swine Fever virus would be done soon. — Picture via Twitter/Bernama

Follow us on [Instagram](#) and subscribe to our [Telegram](#) channel for the latest updates.

ALOR GAJAH, Dec 25 — The culling of 6,000 pigs suspected of being infected with the African Swine Fever (ASF) virus would be done soon, said Agriculture and Food Industries Deputy Minister 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

However, he added that the action to curb the viral infection would only be taken after the evaluation and decision made by the Veterinary Services Department (JPV).

“Those pigs confirmed to be healthy can be slaughtered at the stipulated abattoirs and the selling to be done in Melaka only.

“This is in line with Section 19 of the Animals (Amendment) Act 1953 in which the pigs from farms confirmed to be free from infection are allowed to be slaughtered at the approved abattoirs only but the pork and carcasses are allowed to be taken to other states.”

Ahmad said this when met by reporters at the Melaka Post-Flood Mission programme for the state constituency of Ayer Limau at the JAPERUN complex here today which was officiated by Chief Minister Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

He said there were 35 farms with a total of over 40,000 pigs in Paya Mengkuang, Masjid Tanah and out of this number, 6,000 from seven farms were suspected to have contracted the ASF virus.

Ahmad, who is also the Member of Parliament for Jasin, advised the surrounding residents not to panic as the infection only affected animals and not humans.

“We are doing close monitoring and control and if there are new cases. we will take immediate action. So far, only seven affected pig farms have been identified.

“All the breeders involved have given good cooperation to enable monitoring and control of the infection at their farms,” he said.

Yesterday, the JPV Malaysia confirmed the ASF viral infection at seven commercial pig farms in Paya Mengkuang

It was detected through the investigation conducted and the infection confirmed through testing of samples at the department’s laboratory in Sepang on Dec 20, 22 and 23. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Ternakan babi di Paya Mengkuang dilarang dibawa keluar



MASJID TANAH 25 Nov – Sebanyak 41,913 ekor babi yang ditenak di 35 buah ladang babi di Paya Mengkuang sini dilarang dibawa keluar dari kawasan itu.

Ia bagi mengelakkan penularan penyakit African Swine Fever (ASF) yang dikesan pada ternakan 20 Dis lalu.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata,

kesemua 26 penternak di kawasan itu telah diberi notis di bawah Seksyen 18(2) Akta Binatang 1953 (Akta 647) berhubung arahan tersebut.

Menurutnya, di bawah notis itu tidak membenarkan ternakan keluar daripada kawasan tersebut.

“Ia bertujuan bagi membolehkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menjalankan pemeriksaan dan ujian penyakit ke atas ternakan yang berkuatkuasa mulai 20 Dis lalu.

“Pada masa yang sama, jabatan terbabit juga sedang dalam usaha membendung, mengawal dan membasmi rebakan penyakit ASF,” katanya pada kenyataan di sini hari ini.

Pengesanan penyakit itu setelah DVS negeri menjalankan bedah siasat sampel babi yang mati di Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi pada 18 Disember lalu.

Seminggu selepas itu, keputusan makmal mendapati kematian babi tersebut telah disahkan positif penyakit ASF.

Menurut Ahmad, ladang yang telah disahkan positif penyakit ASF, tindakan memusnahkan semua ternakan akan diambil oleh jabatan terlibat.

Bagi ladang lain, katanya, ternakan yang bebas dan sihat dari penyakit itu dibenarkan disembelih di rumah sembelih Paya Mengkuang setelah pemeriksaan dilakukan.

“Daging babi tersebut hanya dibenarkan untuk kegunaan negeri Melaka sahaja, tiada karkas dibenarkan keluar ke negeri lain.

“Penyiasatan dan pemantauan lanjut di kawasan Paya Mengkuang sedang dijalankan bagi mengekang rebakan ASF,” katanya

Katanya, setakat semalam, pihaknya mengesan tujuh ladang disahkan positif penyakit ASF dengan jumlah populasi sebanyak 5,438 ekor.

Selain itu menurut Ahmad, orang ramai diminta tidak panik berhubung insiden yang berlaku memandangkan penyakit ASF tidak zoonotik (tidak berjangkit kepada manusia).

“Ianya hanya boleh menjangkiti babi yang ditenak atau babi hutan. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan tidak panik,” katanya.

Orang awam diminta untuk memasak babi pada suhu tinggi (melebihi 80oC) dalam tempoh yang lama (melebihi 20 minit) untk mematikan virus.

Pihak DVS juga meminta kerjasama orang ramai agar melaporkan segera sebarang kematian pada babi hutan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka.

Headline	73 penternak ikan rugi lebih RM1.4j		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	6	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,484



73 penternak ikan rugi lebih RM1.4j

Kuantan: Seramai 73 penternak ikan air tawar di lima daerah di negeri ini rugi lebih RM1.4 juta selepas sangkar serta kolam ternakan mereka musnah akibat banjir yang melanda sejak Jumaat lalu.

Jumlah kerugian dijangka meningkat apabila kemusnahan lebih banyak sangkar dan kolam di Temerloh, Jerantut, Bentong, Lipis, Maran dan Pekan direkodkan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Abdullah Jaafar berkata, kerugian penternak akuakultur di negeri ini dijangka terus meningkat berikutan banjir yang masih melanda.

Menurutnya, pusat ternakan ikan yang dijaga serta diuruskan oleh ahli dalam komuniti di Estet Ikan Paya Chempaka seluas kira-kira 15 hektar, Estet Ikan Paya Lanar (25 hektar) dan Estet Ikan Paya Lubuk Kawah (31 hektar), Temerloh juga ditenggelami banjir menyebabkan ikan terlepas.

"Kami menjangkakan jumlah kerugian sebenar lebih tinggi membabitkan semua daerah selepas aduan dan penilaian dibuat apabila bencana banjir surut sepenuhnya.

"Banyak sangkar ikan sepanjang Sungai Pahang di Temerloh, Jerantut, Lipis, Maran dan Pekan musnah dibawa arus deras air selain ditimpa pokok.

"Penternak akuakultur



Kami menjangkakan jumlah kerugian sebenar lebih tinggi membabitkan semua daerah selepas aduan dan penilaian dibuat apabila bencana banjir surut sepenuhnya"

Abdullah

dan nelayan darat diharap dapat melaporkan butiran kerugian aktiviti perikanan mereka akibat banjir kepada Jabatan Perikanan selepas ini," katanya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan melaksanakan semakan sebelum mengemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) untuk pertimbangan bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP).

Abdullah berkata, tahun lalu, jumlah penternak akuakultur yang berdaftar di negeri ini ialah 1,700 manakala nelayan darat pula 380.

"Pengeluaran akuakultur dan perikanan sungai di Pahang adalah yang tertinggi di Pantai Timur membabitkan kira-kira 15,000 tan bernilai lebih RM246 juta bagi akuakultur serta kira-kira 787 tan bernilai kira-kira RM11.5 juta bagi perikanan sungai," katanya.

Headline	73 penternak ikan air tawar rugi lebih RM1.4 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	21	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	454 cm ²
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 15,033
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,099



73 penternak ikan air tawar rugi lebih RM1.4 juta

Sangkar, kolam tenggelam akibat banjir di Pahang

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seramai 73 penternak ikan air tawar di lima daerah negeri ini mengalami kerugian lebih RM1.4 juta susulan banjir sejak Jumaat lalu.

Jumlah kerugian dijangka terus bertambah apabila banyak sangkar dan kolam ikan di Temerloh, Jerantut, Lipis, Maran dan Pekan musnah dibawa arus deras air, selain ditimpa pokok tumbang.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata kerugian penternak akuakultur di negeri ini dijangka terus meningkat berikutan keadaan banjir masih berlaku di beberapa daerah.

Beliau berkata, lokasi ternakan ikan yang dijaga dan diruskan ahli komuniti di Estet Ikan Paya Chenpaka (15 hektar), Estet Ikan Paya Lalar (25 hektar) dan Estet Ikan Paya Lubuk Kawah (31 hektar), Temerloh juga ditenggelami banjir menyebabkan ikan terlepas serta keluar dari tasik berkenaan.

"Kita jangka jumlah kerugian sebenar lebih tinggi membabitkan semua daerah selepas aduan dan penilaian dibuat apabila bencana banjir surut sepenuhnya nanti.

"Banyak sangkar ikan sepanjang Sungai Pahang di Temerloh, Jerantut, Lipis, Maran dan Pekan musnah dibawa arus deras air, selain ditimpa pokok tumbang.

"Justeru, saya berharap penternak akuakultur dan nelayan darat dapat melaporkan butir-butir kerugian aktiviti perikanan mereka akibat bencana banjir kepada Jabatan Perikanan selepas

ini," katanya, di sini semalam.

Abdullah berkata, pihaknya akan melaksanakan semakan sebelum mengemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk pertimbangan bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP).

Beliau berkata, pihaknya berempati dengan penternak serta pengusaha akuakultur di negeri ini dan berharap mereka tabah serta bersabar menghadapi ujian tidak dijangka ini.

"Tahap lahi jumlah penternak akuakultur berdaftar di negeri ini seramai kira-kira 1,700 orang, manakala nelayan darat seramai 330 orang.

"Pengeluaran akuakultur dan perikanan sungai di Pahang tertinggi di Pantai Timur dengan kira-kira 15,000 tan bernilai lebih RM246 juta bagi akuakultur serta kira-kira 787 tan bernilai kira-kira RM11.5 juta bagi perikanan sungai," katanya.



Penternak ikan air tawar menanggung kerugian apabila sangkar mereka musnah berikutan banjir. (Foto/Isian Jabatan Perikanan)

Headline	Kapit's Lily Pond becomes home to thousands of 'Lampam Jawa' fry		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	25 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	4	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,436
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,309



Ugak (front, third right) looks over a pond to see the released 'Lampam Jawa' fry swimming in it. With him are (from right) Rumpang, Kelimbik and the other councillors.

Kapit's Lily Pond becomes home to thousands of 'Lampam Jawa' fry

KAPIT: Some 12,000 fish fry were released into the ponds at the just-completed Lily Pond Recreational Park along Jalan Memora here on Thursday.

Led by Hulu Rajang MP Datuk Wilson Ugak Kumbong, the simple ceremony involved the release of fry from the 'Lampam Jawa' (Java barb) group of the ray-finned fish species, which were hatched at Sarikei

Fisheries Station.

Acting Kapit District Council (KDC) secretary Kelimbik Sibat, Councillor Anyi Kumbong, Councillor George Tang, Councillor Jenny Yii, and Agriculture Kapit assistant officer (fisheries) Rumpang Usat Gumbang were also present.

"Lampam Jawa is similar to Tengadak (tin foil barb) - both species are suitable for

habitation in ponds. The release of the fry at Lily Pond is an effort by the Fisheries Department Sarawak to introduce fish into the ponds here which, in the future, can become an attraction to visitors," Rumpang told reporters.

Meanwhile, Kelimbik reminded the public to keep Lily Pond and its surrounding areas free from littering and

vandalism.

"The park has rubbish bins - use them."

"Should the visitors want to feed the fish in the ponds, they must never throw in non-fish food like bread, biscuits or crackers - they can only use fish feed or pellets; this is to ensure the cleanliness of the water is always maintained," he pointed out.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2021	KLSE	ONLINE	

Selangor Fama director: Floods destroy food allocated for Mafi Prihatin programme

DENGKIL, Dec 24 — The food items allocated for the Mafi Prihatin programme which were stored at a Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Operations Centre warehouse, in Dengkil, have been destroyed after being hit by floods last week.

Selangor Fama director Aiada Abdul Rashid said food items such as rice, flour, and vermicelli arrived at the operations centre on December 17 to be put into Mafi Prihatin boxes.

Unfortunately, she said the warehouse was inundated with floodwaters as high as five feet later in the day due to the continuous heavy rain.

“For items that we managed to save and are still in good condition, we will repackage it,” she told Bernama today.

The Mafi Prihatin contribution is implemented by the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) to help those affected Covid-19 or disasters such as floods, as well as in appreciation of the services and sacrifices of frontliners in the fight against the pandemic.

Aiada said apart from the two-storey warehouse, the floods also damaged office equipment, furniture and products of local entrepreneurs at the Agrobazaar shop, located at the operation centre.

She said clean-up works have been carried out since two days ago by volunteers from Fama’s branches in Johor, Perlis, Negri Sembilan, Melaka and the headquarters. — Bernama

Headline	Bekalan sumbangan musnah akibat banjir		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	25 Dec 2021	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 911
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,733



Bekalan sumbangan musnah akibat banjir

DENGKIL: Bekalan sumbangan makanan bagi program MAFI Prihatin yang disimpan di gudang penyimpanan Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Dengkil, musnah akibat banjir.

Pengarah FAMA Selangor Aiada Abdul Rashid berkata bekalan barangan seperti beras, tepung dan bihun tiba di pusat operasi itu pada Jumaat lepas (17 Disember) untuk dipek ke dalam kotak MAFI Prihatin namun tidak dapat diselamatkan setelah pusat itu dinaiki air setinggi lima kaki akibat hujan lebat pada sebelah malamnya (Jumaat).

"Barang seperti makanan dalam tin dan minyak masak walaupun nampak basah pada luarnya, kalau kualiti tidak terjejas, akan dihantar ke kilang bagi pembungkusan semula," katanya kepada Bernama semalam.

Sumbangan MAFI Prihatin dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu mereka yang terkesan akibat musibah yang melanda negara seperti pandemik Covid-19 dan banjir, selain menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi Covid-19.

Selain gudang penyimpanan setinggi dua tingkat yang terjejas akibat banjir, pusat operasi berkenaan yang turut menempatkan pejabat dan kedai Agrobazaar juga mengalami kerosakan seperti komputer, perabot, telefon dan produk usahawan tempatan dalam kedai, katanya.

Dengkil adalah antara kawasan yang terjejas di Selangor akibat banjir sejak Sabtu lepas dan tinjauan Bernama mendapati kerja-kerja pembersihan mula dilakukan penduduk di kawasan yang telah beransur pulih.

Menurut Aiada, kerja-kerja pembersihan pusat operasi berkenaan giat dijalankan sejak dua hari lepas oleh sukarelawan dari FAMA Johor, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan ibu pejabat FAMA, dan terhenti sementara semalam kerana ketiadaan bekalan air. - Bernama

Headline	Fish farmers suffer RM1.4mil losses in Pahang floods		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	25 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	5	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,047
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,141



மீன் வளர்ப்புத் தொழிலில் பெரும் நஷ்டம்

குவாந்தான், டிச. 25- மிக மோசமான வெள்ளப் பேரிடர் காரணமாக பகாங் மாநிலத்தில் விவசாயிகளுக்கு 14 லட்சம் வெள்ளி வரை இழப்பு ஏற்பட்டிருக்கிறது என்று பகாங் மாநில மீன்வள இலாகா இயக்குநர் அப்துல்லா ஜப்பார் தெரிவித்தார்.

தெமர்லோ, ஜெராண்டுட், பெந்தோங், லிப்பிஸ், மாரான், பெக்கான் ஆகிய மாவட்டங்களில் ஏராளமான மீன் வளர்ப்புக் குளங்கள் உள்ளன. கடந்த ஒரு வார காலமாக வெள்ளம் புகுந்ததால் அந்தக் குளங்களிலிருந்து மீன்கள் எல்லாம் வெள்ள நீரில் அடித்துச் செல்லப்பட்டன.

மேலும் கடலுக்கு மீன் பிடிக்கவும் செல்ல முடியவில்லை. சங்கை பகாங் உட்பட பல ஆறுகள் கரை புரண்டதால் விவசாயிகள் பெரிதும் பாதிக்கப்பட்டனர். பகாங் மாநிலத்தில் 1,700 பேர் மீன் வளர்ப்பு தொழிலில் ஈடுபட்டிருக்கின்றனர். கடந்தாண்டு மீன் வளர்ப்புத் தொழில் மூலமாக மாநில அரசாங்கத்திற்கு 24 கோடி வெள்ளி வரை வருமானம் கிடைத்தது. இப்போது வெள்ளம் காரணமாக மீன் வளர்ப்புத் தொழில் பெரிதும் பாதிக்கப்பட்டிருக்கிறது என்று அப்துல்லா கூறினார்.

